

Pengangkutan awam nak minta Kerajaan naik kadar tambang

KUALA LUMPUR, Jumaat — Sebahagian besar Persatuan Pengangkutan Awam dan Lori di negara ini sekata meminta Kerajaan menaikkan kadar tambang masing-masing berikutan kenaikan harga minyak antara 30 hingga 47 sen segelen di Semenanjung mulai hari ini.

Mereka berpendapat kenaikan harga minyak menambahkan beban yang sedia ada iaitu kenaikan barang gantian dan insuran.

Semalam, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan kenaikan harga runcit minyak petrol premium \$4.04 segelen, regular \$3.82 dan diesel kepada \$1.62 sen segelen.

Ini bermakna minyak petrol premium naik 35 sen, regular 47 sen dan diesel 30 sen di Kuala Lumpur.

Persatuan Perkhidmatan Bas Malaysia menyatakan kenaikan tersebut menyebabkan pihaknya terpaksa menanggung belanja minyak tambahan sebanyak \$18,000 sebulan bagi setiap syarikat bas.

Seorang jurucakap persatuan tersebut memberitahu, pihaknya telah lama meminta Kerajaan menaikkan kadar tambang tetapi dengan kenaikan harga minyak ini hasratnya bertambah kukuh.

Katanya, pihaknya telah pun menyiapkan memorandum meminta kenaikan tambang satu batu pertama dari 10 sen kepada 30 sen.

"Kita telah merancang untuk berunding dengan Menteri Pengangkutan bagi membentangkan masalah tersebut akhir bulan depan tetapi disebabkan kenaikan harga minyak ini kami terpaksa berjumpa secepat mungkin."

Menurutnya, kenaikan harga minyak diesel 32 sen segelen bermakna syarikat kenderaan yang

Oleh **JAMALUDDIN BAKAR**

mempunyai 50 buah bas terpaksa menambah belanja diesel \$18,000 sebulan.

"Dalam satu perjalanan, purata bas menggunakan diesel antara 35 hingga 40 gelen dan dengan kenaikan harga itu bermakna harga minyak tambahan \$12 sehari," tambah beliau.

Jurucakap itu seterusnya memberitahu, disamping itu pihaknya juga terpaksa memikul kenaikan barang gantian, minyak pelicin dan tayar yang tidak boleh diserapkan.

Persatuan Pemandu-pemandu dan Tuanpunya Teksi! perjalanan ke Utara pula menegaikan, pihaknya akan menghantar satu memorandum kepada Kerajaan meminta menaikkan tambang teksi perjalanan jauh dari lapan sen sebatu kepada 10 sen.

Pengerusinya, Encik Redzuan bin Mat berkata, kenaikan harga diesel dan petrol ini sungguh memberi kesan yang kuat kepada pemandu-pemandu teksi perjalanan jauh.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia